

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 1.11.2017 (RABU)

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian melalui Akta Persaingan 2010, terhadap badan-badan profesional yang menetapkan skala fi tanpa kebenaran undang-undang serta tindakan yang telah diambil terhadap badan-badan berkenaan sekiranya ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Akta Persaingan 2010 [Akta 712] adalah terpakai bagi semua aktiviti komersial di Malaysia, termasuk semua perkhidmatan profesional dan bukan profesional. Oleh itu, sebarang perjanjian penetapan harga oleh mana-mana badan profesional adalah dilarang di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

Pada 7 April 2015, pihak MyCC telah mengeluarkan arahan kepada empat (4) badan profesional supaya memansuhkan skala fi yang dikeluarkan memandangkan mereka tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk menetapkan skala fi tersebut. Empat (4) badan profesional tersebut ialah:

- i) *Malaysian Institute of Arbitrators (MIARB);*
- ii) *Malaysian Institute of Architects (PAM);*
- iii) *Malaysian Dental Association (MDA); dan*
- iv) *Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)*

Keempat badan tersebut telah akur dengan arahan pihak MyCC untuk membubarkan skala fi tersebut.

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : RABU, 1 NOVEMBER 2017
RUJUKAN : L3 [PR-1353-L03309]
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan setakat ini berapakah jumlah lot tanah yang telah diperuntukkan, dipajakan dan dijual kepada Yayasan Wilayah Persekutuan meliputi lokasi, keluasan tanah, harga jualan/pajakan/sewaan dan projek pembangunan yang dirancangkan bagi setiap lot tanah.

37

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, setakat ini tiada tanah yang dipajakkan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Walau bagaimanapun, terdapat 2 lokasi tanah yang telah dijual kepada YWP iaitu:

- i) Tanah seluas 2.61 ekar di Jalan Raden Anum 1, Bandar Baru Sri Petaling dengan harga jualan berjumlah RM30.5 juta pada 13 Oktober 2014. Berdasarkan perintah pembangunan yang telah diluluskan bagi tapak tersebut pada 7 Oktober 2015, projek pembangunan yang dicadangkan adalah pembangunan bercampur; dan
- ii) Tanah seluas 0.53 ekar di Jalan Imbi dengan harga jualan RM21.3 juta pada 26 Ogos 2011. Pada masa ini tapak digunakan sebagai tempat letak kereta swasta.